

## AMARAN



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
CIDB Negeri Melaka  
No. 31-1, Jalan TU 49A, Kompleks Komersial Boulevard,  
Taman Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : +06-232 8895 Fax : +06-232 8950  
E : cidbmelaka@cidb.gov.my

Rujukan Kami: LPIPM:M/UBL/05/4/1 (25)  
Tarikh : 13 Mac 2024



(Office use only)

Pengarah  
Target Heights Sdn. Bhd.  
No. 2-A, Jalan Seri Paya Rumput 2  
Taman Seri Paya Rumput  
76450 Melaka

Tuan,

**AMARAN BERKENAAN PEMBAYARAN LEVI MELEBIHI TEMPOH LIABILITI YANG DITETAPKAN DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 34(2) AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994 (AKTA 520)**

**PROJEK: CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN (FASA 1) DI ATAS LOT 1770, LOT 1772 & LOT 2367, MUKIM BUKIT RAMBAI, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA UNTUK TETUAN ARK VISION HOLDINGS SDN BHD  
NO. RUJ. LEVI: ML096893-54**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Semakan kami mendapati pihak tuan telah pun menjelaskan bayaran levi berjumlah RM 7,062.50 bagi projek di atas pada 14 Februari 2024. Walau bagaimanapun bayaran tersebut telah dibuat di luar tempoh liabiliti yang ditetapkan iaitu 13 Februari 2024.

3. Sehubungan dengan itu, pihak CIDB memberi **AMARAN** kepada pihak tuan agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Pihak tuan dikehendaki untuk lebih prihatin dan mematuhi kehendak Akta dan Peraturan CIDB serta mana-mana Undang-Undang bertulis yang lain berhubung dengan mana-mana kerja pembinaan yang diakujanji.

4. **AMBIL PERHATIAN**, kegagalan tuan menjelaskan bayaran levi di dalam tempoh yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau empat kali ganda amaun levi yang kena dibayar mengikut mana-mana yang lebih tinggi serta perlu menanggung semua kos dan faedah yang terakru akibat tindakan-tindakan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BINA SEMPURNA"**

  
(Ts. MOHD RIZAL NORMAN)

Pengarah  
CIDB Negeri Melaka  
b.p. Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia